

18 DEC 1996

Misuari-Perodua

MINDANAO SEDIA MENERIMA SEBARANG CADANGAN PERNIAGAAN (Bergambar)

RAWANG, 18 Dis (Bernama) -- Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) Nur Misuari berkata, Mindanao akan menerima dengan hati terbuka sebarang cadangan perniagaan daripada ahli-ahli perniagaan Malaysia.

Beliau menyatakan hasratnya untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam membantu membangunkan Mindanao yang kaya dengan sumber asli tetapi masih belum dimajukan lagi.

Ini juga sebahagian daripada usaha Mindanao untuk memastikan ia menjadi sebahagian daripada kawasan pertumbuhan pesat di Asia Tenggara, kata beliau semasa majlis taklimat mengenai operasi kilang kereta nasional kedua Perodua, di Serendah dekat sini.

Misuari, yang juga pengerusi Majlis Selatan Filipina Bagi Kemanan dan Pembangunan tiba di sini, Isnin lepas bagi lawatan rasmi seminggu diiringi delegasi 20 orang.

Sebelum itu, Misuari dibawa melawat kilang Perodua diiringi oleh pengurus besarnya Kiat Hai Tong.

Kilang itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos, 1994.

Misuari berkata, beliau kagum dengan pertumbuhan pesat industri automobil dan sedia belajar daripada strategi-strategi syarikat itu.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada pengarah-pegarah syarikat itu.

Pemimpin Islam itu dijangka melawat Pahang dan Terengganu dan akan mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai negeri berkenaan mengenai cara-cara meningkatkan usahasama dengan Selatan Filipina.

-- BERNAMA

WNZ PR